

Bahaya kanser masih tidak dipandang serius komuniti di Sabah

NST 15.7.2014 3
OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Usaha bagi menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya tentang bahaya penyakit kanser dilihat masih tidak dipandang serius oleh kebanyakan golongan dalam komuniti khasnya di Sabah.

Senior Felo (Profesor pelawat) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Dr. Christopher Lim Nyen Hon berkata perkara asas yang wajar disedari masyarakat tentang bahayanya penyakit kanser adalah melalui saluran pendidikan dan maklumat.

"Langkah ini mungkin orang nampak sebagai kecil, namun pada realitinya memberi impak amat besar, dimana kita dalam usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang sesuatu perkara, asasnya adalah berbalik kepada pendidikan.

"Di peringkat awal, pendidikan tentang ilmu sains, ilmu kesihatan, pengiraan dan pengetahuan am termasuk moral dan keagamaan adalah segala yang diperlukan dan mampu membentuk pemikiran dalam kalangan masyarakat generasi baharu sekaligus semuanya kita mampu selesaikan dalam pemikiran mereka termasuk bahayanya penyakit kanser," katanya.



CHRISTOPHER ketika ditemui selepas forum.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas hadir dalam sebuah forum Kesedaran dan Cabaran Merawat Kanser di Malaysia pada Sabtu.

Menurut beliau, masyarakat khasnya di Sabah masih tidak memandang serius isu penyakit kanser dan masih mengambil jalan mudah walaupun setelah disahkan menghidap kanser.

"Saya pernah bertemu dengan pesakit kanser yang telah disahkan menghidap kanser dua tahun lalu namun beliau hanya mendapatkan rawatan selepas dua tahun kemudian, yang mengejutkan apabila ditanya, pesakit hanya



KONGSI ... Aminah berkongsi pengalaman beliau menjalani rawatan kanser.

memberitahu bahawa dia mengamalkan rawatan tradisional seperti mengambil herba, minum lemon dan hanya bergantung pada amalan tradisional.

"Tidak salah untuk mengamalkan rawatan alternatif namun perlu kita sedar akan bahaya kanser dan tidak boleh memandang ringan perkara ini," katanya.

Jelasnya, kebanyakan pesakit yang cenderung mengamalkan rawatan secara tradisional adalah mereka yang lebih meyakini akan kesan herba dan mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap pantang larang atau adat tradisi.

Katanya lagi, setiap orang



ALBUM ... Merakam kenangan bersama selepas forum, para peserta bergambar bersama.

mempunyai sistem imunisasi tubuh yang berbeza dan tidak semua kesan rawatan yang diambil mampu memberi kesan penyembuhan yang serupa bagi semua yang mengamalkannya.

"Semuanya bergantung pada sistem dalaman kita dan tidak semua pesakit kanser mendapat kesan dalam masa dan kadar yang sama kerana setiap kanser dan setiap orang yang mengalami penyakit ini, sama sekali tidak sama dan saya ingin tegaskan, perlu peka dengan diri anda sendiri," katanya.

Beliau juga mencadangkan untuk lebih banyak iklan atau kempen kesedaran tentang bahawa kanser, pencegahan, pemeriksaan dan rawatan diwar-warkan secara lebih kerap kepada masyarakat melalui sistem pesanan khidmat masyarakat oleh media elektronik dan media cetak, selain daripada media sosial.

Dalam pada itu, Mantan Presiden Persatuan Usahawan dan Profesional Wanita Sabah (SWEPA) Datuk Aminah Ambrose yang juga merupakan pesakit kanser yang berjaya sembuh turut berkongsi pandangan dan pengalaman beliau.

"Pada awalnya, saya bersendirian dalam bilik belajar dan dalam tempoh masa

pengajian, saya secara tiba-tiba semasa sedang bergerak bersama komputer riba ke meja untuk saya mencetak hasil kerja, tersentuh bucu meja dan saya merasakan seakan-akan ada benjolan yang asing di bahagian payudara saya.

"Saya agak bimbang dan tidak dapat melelapkan mata untuk beberapa hari ketika itu dan menghubungi rakan saya yang merupakan seorang doktor untuk saya membuat pemeriksaan lanjut," katanya.

Menurut Aminah, selepas pemeriksaan, didapati payudara kiri beliau disahkan ada terkanadungnya kanser dan beliau nekad untuk menguatkan diri dan sembuh.

"Dugaan berat ini saya terima dengan positif kerana saya sayangkan diri saya, suami, anak-anak saya dan semua kenalan yang selama ini saya sentiasa bersama-sama dan dengan semangat ini juga saya harungi fasa rawatan sehingga saya benar-benar 'melepaskan diri' daripada kanser.

"Saya selamat dan bersyukur kerana saya masih ada kekuatan dan kesempatan untuk terus hidup gembira, maka dengan ini saya benar-benar ingin memberitahu bahawa jangan malu dan segan untuk menjalani pemeriksaan, berjumpa doktor dan bincangkan

masalah yang dihadapi sekiranya anda ada merasakan ada sesuatu perubahan atau rasa sakit pada tubuh badan anda kerana kita tidak nampak apa yang ada dan tumbuh di dalam kita," jelasnya lagi.

Aminah juga turut memberitahu bahawa kesedaran akan bahaya kanser serta cabaran dalam mengatasi masalah tersebut akan terus dipergiatkan bagi memastikan pendidikan tentang penyakit kanser sampai kepada semua lapisan masyarakat di bandar mahupun luar bandar.

"Kita perlu buang rasa malu untuk berjumpa doktor dan menjalani pemeriksaan kanser seperti mamogram, pepsmeas dan sebagainya kerana langkah awal ini mampu menyelamatkan nyawa," katanya.

Seramai 175 peserta dari pelbagai agensi swasta, orang persendirian, pelajar universiti dan pihak hospital hadir dalam forum yang julung kali diadakan itu.

Turut berkongsi pengalaman semasa forum tersebut ialah dua pesakit kanser yang berjaya sembuh iaitu Richard Yong, 72 dan Unis @ Hasnah Yabi, 59.

Turut berlangsung semasa forum tersebut, pameran tentang bahaya kanser daripada Kinabalu Pink Ribbon.